A. Catat maklumat pada peta grafik.

Pada 15 Jun yang lalu, SJKC Taman Sutera telah mengadakan Hari Reka Cipta dan Inovasi. Program itu dijalankan di Dewan Besar SJKC Taman Sutera. Program itu bermula dari pukul 8:30 pagi hingga 5:30 petang.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk memupuk minat murid tentang sains. Selain itu, program itu bertujuan untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi murid.

Pelbagai aktiviti seperti pameran sains, pertandingan reka cipta, dan permainan uji minda telah dijalankan. Sambutan yang diberikan oleh murid-murid amat menggalakkan.

Chun Han dan Aidil mengambil bahagian dalam pertandingan reka cipta. Mereka menghasilkan rekaan kreatif menara jam. Menara itu diperbuat daripada botol plastik dan DVD terpakai. Menara itu sangat cantik kerana diterangi lampu kelip-kelip yang berwarna-warni.

B. Lengkapkan ayat dengan kata ganda separa atau kata ganda penuh yang betul.

1. Mereka melihat ____ dinasour yang dipamerkan di Galeri Sains.
2. Chun Han meletakkan ____ itu di atas meja dengan cermatnya.
3. Aidil mengelap ____ basikalnya supaya tidak berkarat.
4. Gauri terkejut apabila ternampak ____ di dahan pokok.
5. Belalang mempunyai sepasang ____ yang berfungsi sebagai organ deria.

LIVEWORKSHEETS